

03 AUG 2003

Mahathir-Visa (Bergambar)

MALAYSIA TAK BANTAH PERATURAN BARU VISA AMERIKA, KATA DR M

PORT DICKSON, 3 Ogos (Bernama) -- Malaysia tidak akan membuat bantahan mengenai peraturan baru yang mewajibkan pemohon hadir sendiri di hadapan pegawai konsul Kedutaan Amerika Syarikat untuk mendapat visa ke negara itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tak bantah. Kita tak akan bantah. Kalau orang hendak buat di negara orang, itu hal mereka, jangan kacau di negara kita sudahlah.

"Itu hak mereka. Mereka curiga terhadap rakyat Malaysia, apa yang kita boleh buat," kata Perdana Menteri semasa diminta mengulas mengenai peraturan baru kerajaan Amerika itu.

Dr Mahathir ditemui selepas menghadiri Hari Keluarga Badan Kebajikan dan Sukan Pejabat Perdana Menteri di Hotel Guoman, dekat sini, hari ini.

Turut hadir ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali bersama lebih 500 anggota keluarga kakitangan pejabat itu.

Peraturan baru itu berkuatkuasa 1 Ogos. Bagaimanapun pegawai Jabatan Negara Amerika Syarikat Stephen Edson dipetik sebagai berkata, pengeluaran visa oleh pegawai konsul di kedutaan atau konsulat tidak menjamin seseorang itu dapat masuk ke Amerika Syarikat.

Mengenai laporan tiga rakyat Malaysia yang mendakwa dipaksa berbogel semasa diperiksa oleh pihak berkuasa New Zealand di Auckland pada 19 Julai lepas, Dr Mahathir melahirkan rasa sedih dengan kejadian yang menimpa rakyat Malaysia itu.

"Saya sangat sedih yang rakyat Malaysia menjadi mangsa syak wasangka seperti itu. Rakyat Malaysia pada amnya adalah orang yang bertanggungjawab.

Laporan akhbar semalam menyiarkan dakwaan tiga tukang masak dari Melaka, Liew Eng Teck, Tan Teck Hing dan How Ah Wan, bahawa mereka dipaksa berbogel ketika pemeriksaan ketat dan dihantar pulang pada pagi 20 Julai.

Mereka yang bekerja di sebuah restoran di Melaka turut mendakwa ditahan semalaman di lokap sedangkan tujuan mereka hanya untuk melancong selama 10 hari di negara itu dan telahpun membeli tiket balik.

-- BERNAMA

APG PR